

**COVID-19: 2,717 kes baharu, tiga negeri catat lebih 500 kes**  
**Astro Awani**  
**24 April 2021**

KUALA LUMPUR: Jumlah kes positif baharu COVID-19 masih kekal empat angka dengan 2,717 kes baharu direkodkan pada 24 April menjadikan jumlah keseluruhan 390,252 kes.

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, Selangor mencatatkan jumlah tertinggi dengan 768 kes diikuti Sarawak (570) dan Kelantan (518).

Hanya Labuan tidak mencatatkan sebarang kes baharu, manakala Perlis pula merekodkan satu kes baharu.

Daripada 2,717 kes baharu, 2,691 merupakan kes penularan tempatan manakala 26 lagi kes import dan jumlah kes aktif adalah 22,926 kes.

Jumlah kes sembuh pula sebanyak 2,292 menjadikan jumlah kumulatif sembuh adalah 365,900 kes.

Sebanyak 11 lagi kematian dicatatkan menjadikan jumlah kumulatif kematian adalah 1,426 kes.

Jumlah kes yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) adalah sebanyak 272 kes manakala 124 kes menerima alat bantuan pernafasan.

Berikut merupakan pecahan setiap negeri.

Selangor - 768 (127,260)

Sabah - 132 (57,538)

Johor - 126 (44,128)

WP KL - 240 (41,754)

Sarawak - 570 (27,319)

Pulau Pinang - 134 (18,945)

Negeri Sembilan - 27 (18,234)

Perak - 54 (14,324)

Kelantan - 518 (11,193)

Kedah - 34 (9,397)

Melaka - 30 (7,125)

Pahang - 22 (4,915)

Terengganu - 50 (4,002)

WP Labuan - 0 (2,442)

WP Putrajaya - 11 (1,321)

Perlis - 1 (355)

**© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-2717-kes-baharu-tiga-negeri-catat-lebih-500-kes-294900>